

## Senarai Soalan Lazim Berkaitan Penyelarasan Pencen SSPA

Pertanyaan/ Isu	Jawapan
<p>Adakah pesara kerajaan juga mendapat peratus kenaikan yang sama seperti penjawat awam untuk kenaikan pencen ?</p>	<p>Ya, Gaji akhir pesara akan diselaraskan sama seperti gaji hakiki penjawat awam yang sedang berkhidmat yang dikenali sebagai gaji akhir bersamaan. Pencen baru akan dikira berdasarkan formula pengiraan pencen menggunakan gaji akhir bersamaan tersebut. Peratus kenaikan gaji akhir adalah seperti berikut :</p> <p><b>Fasa 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi : 4%</li> <li>ii. Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan &amp; Profesional: Gaji Akhir &gt; RM 3000: 8% Gaji Akhir &lt; RM 3000: RM240</li> </ul> <p><b>Fasa 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi : 3%</li> <li>ii. Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan &amp; Profesional: 7%</li> </ul>
<p>Apakah formula yang akan digunapakai untuk pengiraan penyelarasan pencen yang baru?</p>	<p><b>LANGKAH 1</b> Pengiraan amaun gaji akhir bersamaan 2024 perlu dilakukan terlebih dahulu. Kaedah mendapatkan gaji akhir bersamaan adalah seperti berikut:</p> <p><b>Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan &amp; Profesional:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Gaji Akhir/Bersamaan + (Gaji Akhir/Bersamaan x 8%) jika, amaun Gaji Akhir/Bersamaan melebihi RM3,000 atau</li> <li>b) Gaji Akhir/Bersamaan + RM240, jika Gaji Akhir/Bersamaan kurang daripada RM3,000</li> </ul> <p><b>Kumpulan Pengurusan Tertinggi</b> Gaji Akhir/Bersamaan + (Gaji Akhir/Bersamaan x 4%)</p> <p><b>LANGKAH 2</b> Pengiraan pencen berdasarkan gaji akhir (Langkah 1) bagi dapatkan amaun pencen baharu mulai Disember 2024 menggunakan formula seperti berikut:</p> <p><math>[1/600 \times \text{Gaji akhir bersamaan 2024} \times \text{tempoh perkhidmatan*}] + \text{PKKP**}</math></p> <p><b>Perhatian:</b> *Jika tempoh perkhidmatan melebihi 30 tahun, pencen tertakluk 3/5 atau 60% daripada gaji akhir bersamaan 2024</p>

	<p>PKKP hanya terpakai bagi persaraan pada atau sebelum 31 Disember 2022 sahaja dan tertakluk kepada keputusan dan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa.</p>
<p>Bagaimanakah pengiraan pencen bagi Januari 2025 dan seterusnya, adakah masih termasuk jumlah PKKP atau tidak?</p>	<p>Melalui pembentangan belanjawan oleh Perdana Menteri, kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh PKKP mulai Januari hingga Disember 2025.</p>
<p>Bagaimanakah pesara dapat membuat pengiraan pencen baharu?</p>	<p>Pengiraan pencen baharu boleh dilakukan berdasarkan formula yang dihebahkan dengan memasukkan maklumat persaraan seperti berikut yang boleh didapati di aplikasi mudah alih MyPesara:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Gaji akhir bersamaan;</li> <li>ii. Jumlah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira; dan</li> <li>iii. Jumlah amaun PKKP yang telah diterima pesara.</li> </ul>
<p>Dimanakah jumlah pencen baharu boleh dirujuk mulai Disember 2024?</p>	<p>Samakan maklumat persaraan serta jumlah pencen yang baharu boleh disamak melalui penyata pencen bulanan di aplikasi mudah alih MyPesara atau aplikasi web MyPencen untuk rujukan lanjut.</p>
<p>Apakah yang dimaksudkan sebagai 'Gaji Akhir/ Bersamaan'?</p>	<p>Gaji akhir bagi penyetaraan Pencen Fasa 1 adalah merujuk kepada gaji bersamaan tahun 2012 atau gaji akhir semasa pegawai bersara mulai 1 Januari 2013 hingga 1 Disember 2024.</p> <p>Manakala, gaji akhir bagi penyetaraan Pencen Fasa 2 merujuk kepada gaji bersamaan tahun 2024 atau gaji akhir pegawai bersara mulai 2 Disember 2024 sehingga 31 Disember 2025.</p>
<p>Apakah maksud Pemberian Khas Kepada Pesara (PKKP)?</p>	<p>PKKP adalah inisiatif Kerajaan untuk mengharmonikan pelaksanaan keputusan Mahkamah Persekutuan dengan memelihara kebajikan pesara.</p> <p>PKKP merupakan pembayaran perbezaan amaun pencen semasa dengan amaun pencen asal bagi menjadikan amaun yang diterima oleh pesara setiap bulan, sama seperti amaun pencen semasa.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya amaun pencen asal pesara pada bulan Disember 2012 ialah sebanyak RM1,413.49, manakala amaun pencen bulan Jun 2023 ialah sebanyak RM1,757.43, pengiraan PKKP adalah seperti berikut:</p> <p>Amaun pencen asal + bantuan khas PKKP = amaun semasa  = RM1,413.49 + RM343.94 = RM1,757.43</p> <p>PKKP hanya terpakai bagi persaraan pada atau sebelum 31 Disember 2022 sahaja dan tertakluk kepada keputusan dan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa.</p>

<p>Apakah maksud tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira?</p>	<p>Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira untuk pengiraan faedah persaraan, diambil mulai tarikh Lantikan Tetap hingga tarikh sehari sebelum tarikh bersara.</p>
<p>Siapakah yang layak mendapat penyalaraan pencen berdasarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)?</p>	<p>Pesara/ penerima pencen yang layak menerima penyalaraan pencen ialah yang sedang menerima :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Faedah Pencen</li> <li>• Faedah Pencen Terbitan</li> <li>• Faedah Pencen Hilang Upaya</li> <li>• Faedah Pencen Tanggungan</li> <li>• Faedah Elaun Bersara</li> <li>• Faedah Elaun Bersara Terbitan</li> </ul>
<p>Selepas Fasa 2, adakah kenaikan pencen secara tahunan akan berlaku? Berapa peratus kenaikan tahunan akan dibuat?</p> <p>Adakah pengiraan baru melibatkan juga pesara yg telah pencen melebihi 1 tahun?</p>	<p>Tidak, berdasarkan keputusan mahkamah persekutuan pada 27 Jun 2023 tiada kenaikan pencen tahunan. Kenaikan pencen tahunan seterusnya akan dilaksanakan sekiranya terdapat semakan gaji penjawat awam.</p> <p>Ya, penyalaraan pencen akan dilaksanakan kepada semua pesara perkhidmatan awam tanpa had tempoh tertentu.</p>
<p>Jika persaraan berlaku selepas 1 Disember 2024, adakah masih layak dapat penyalaraan pencen Fasa 2?</p>	<p>Pegawai yang bersara pada 2 Disember 2024 hingga 31 Disember 2025 <b>masih layak</b> menerima penyalaraan pencen Fasa 2.</p>
<p>Siapakah yang <b>TIDAK LAYAK</b> menerima penyalaraan pencen berdasarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) ?</p>	<p>Pesara/ penerima pencen yang tidak layak diberikan penyalaraan pencen berdasarkan SSPA adalah seperti berikut:</p> <p><b>FASA 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran</li> <li>• Setiausaha Politik</li> <li>• Hakim</li> <li>• Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan (BBDS)</li> <li>• Penerima Pencen Orang Tanggungan/ Pencen Angkatan Tetap (POTPAT)</li> <li>• Penerima Bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP: WP6.3 - Pengurusan Wang Awam, Ex-Gratia Terbitan PP 17/ 2008 dan Ex- Gratia Kematian Sekaligus PP 11/2019 sahaja.</li> <li>• Pesara yang tarikh persaraannya pada <b>02 Disember 2024</b> dan selepasnya.</li> <li>• Pesara dan penerima pencen yang telah meninggal dunia pada dan sebelum <b>30 November 2024</b>.</li> </ul> <p><b>FASA 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran</li> <li>• Setiausaha Politik</li> <li>• Hakim</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan (BBDS)</li><li>• Penerima Pencen Orang Tanggungan/ Pencen Angkatan Tetap (POTPAT)</li><li>• Penerima Bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP: WP6.3 - Pengurusan Wang Awam, Ex-Gratia Terbitan PP 17/2008 dan Ex- Gratia Kematian Sekaligus PP 11/2019 sahaja</li></ul>
--	--

*Tarikh Kemaskini : 16 Disember 2024*